



SEBAHAGIAN daripada pelajar menunjukkan skrol ijazah sempena Majlis Konvokesyen USIM Ke-13 di Dewan Besar USIM, Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

Bengkel wartawan muda jadi tarikan pelajar USIM

SEREMBAN 7 Nov. - Hampir 30 peserta pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai menyertai Bengkel Wartawan Muda anjuran bersama akhbar *Utusan Malaysia* dengan pihak universiti itu sebagai pendedahan terhadap cabaran dan senario industri surat khabar di negara ini.

Bengkel yang diadakan bagi tahun ketiga itu sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM dan Pesta Konvo USIM 2015 dilakukan sebagai komitmen akhbar ini dalam memberikan pengetahuan terhadap alam kewartawanan, cabaran dan pembaruan selain pendedahan terhadapedaran dan jualan akhbar tersebut.

Pengurus Besar Pemasaran dan Penedaran Utusan, Rosman Zulkifli berkata, peluang yang diberikan oleh akhbar itu kepada pelajar disambut baik dengan sesi soal jawab.

"Pelajar telah mengambil bahagian dan amat berminat untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat yang disampaikan oleh penceramah pada bengkel yang diadakan itu.

"Kita percaya bengkel sebegini boleh dilakukan lagi dalam skala besar melibatkan lebih ramai pelajar dan peserta dari luar universiti untuk didedahkan dengan pembaruan industri surat khabar yang mana peranannya lebih besar pada abad mendatang," katanya di USIM, Nilai di sini hari ini.

Rosman yang menyampaikan kertas kerja bertajuk, *Penedaran akhbar: Cabaran memberitahu, sokongan semua pihak terhadap akhbar berbahasa Melayu itu hendaklah dilakukan secara komited.*

"Kita faham industri berita dan akhbar pada hari ini melangkaui sempadan dengan era digital dan elektronik, namun media konvensional seperti akhbar ini masih be-



ROSMAN ZULKIFLI (dua dari kanan), **Sahidan Jaafar** (kanan) dan **Ainol Amriz Ismail** (tiga dari kanan) beramah mesra dengan pelajar menyertai Bengkel Wartawan Muda anjuran *Utusan Malaysia* sempena Majlis Konvokesyen Ke-13 USIM dan Pesta Konvo USIM 2015 di Nilai, Negeri Sembilan, semalam.

rada pada kedudukan baik untuk dibeli dan dimiliki pembaca.

"Kita punyai pembeli dan pada masa sama kita turut membangunkan secara agresif akhbar elektronik, e-Paper yang boleh ditatap di mana jua anda berada," jelasnya.

Bengkel itu turut menyaksikan dua penceramah iaitu penulis khas majalah *Mastika*, Sahidan Jaafar (Sesi bersama *Mastika*) dan Ketua Biro *Utusan Malaysia* Negeri Sembilan, Ainol Amriz Ismail (*Politik Siber dan Terrorisme Virtual: Cabaran Media Alaf Baharu*).

Dalam sesi itu juga, pelajar dapat berinteraksi bagi mendapatkan pelbagai penjelasan berkaitan saingan media dan mengetahui pengalaman penceramah dalam kerjaya masing-masing.

Sementara itu, khemah utama Kumpulan Utusan di tapak Pesta Konvo USIM itu 'diserbu' pengunjung terutama di kawasan studio

penghias wajah apabila graduan yang telah menerima ijazah mengambil kesempatan untuk bergambar bersama keluarga di situ.

Pengurus Kanan Komunikasi Korporat Utusan, Ahmad Razif Mohamed memberitahu, studio itu dibuka dari pagi ini sehingga Isnin bermula pukul 9.30 pagi hingga 7.30 malam bagi memberi peluang kepada graduan bergambar.

"Gambar kenangan itu boleh diambil pada waktu itu dengan bayaran RM10 sekeping dan tambahan RM5 untuk bingkai," katanya.

Selain studio, turut diadakan jualan buku, cabutan bertuah, lukisan karikatur, permainan, penubuhan barangan eksklusif dengan membawa sekurang-kurangnya tiga keratan kepala akhbar (*masthead*) *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* dan pelbagai acara menarik yang kesemuanya disediakan hadiah untuk pengunjung.